

5 strategi tambah baik inisiatif Kampung Angkat MADANI

● Inisiatif ini bawa dimensi sosial penting iaitu memperkukuh interaksi penduduk, menyemarakkan semangat gotong-royong dan membolehkan komuniti setempat menikmati kemudahan lebih baik

● KAM bukan program ekonomi langsung semata-mata seperti bantuan tunai atau pembiayaan perniagaan, sebaliknya intervensi infrastruktur dan komuniti yang kesannya lebih luas dan berperingkat



Oleh Prof Madya Dr Bakti Hasan Basri
bhrencana@bh.com.my

Kampung Angkat MADANI (KAM) adalah antara inisiatif penting kerajaan memberi tumpuan kepada pembangunan komuniti berasaskan keperluan sebenar rakyat di lapangan.

Inisiatif ini memberi penekanan kepada penyediaan dan naik taraf kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, jalan raya, lampu jalan, akses internet serta kemudahan komuniti di kampung terpilih.

KAM mencerminkan pendekatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu pembangunan negara tidak hanya tertumpu di bandar atau pusat pentadbiran, tetapi sampai ke kampung, pedalaman dan komuniti selama ini memerlukan pembelaan lebih tersusun.

Inisiatif ini turut membawa dimensi sosial penting iaitu memperkukuh interaksi penduduk,

Khas Reformasi Agensi (STAR) pada 10 April 2025.

Fasa pertama kajian dilaksanakan Universiti Utara Malaysia (UUM) bersama Unit Pantau MADANI dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mulai April hingga September 2025.

Kajian ini membabitkan 2,620 responden terdiri daripada 1,584 isi rumah dan 1,036 usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di tujuh negeri, iaitu Kedah, Selangor, Kuala Lumpur, Kelantan, Pahang, Sabah dan Sarawak.

Kaedah digunakan adalah soal selidik berstruktur, temu duga, analisis data sekunder dan perbincangan kumpulan berfokus.

Fasa kedua pula dilaksanakan IPSOS Sdn Bhd bersama Unit Pantau MADANI melalui kaji selidik dalam talian mulai 8 Disember 2025 hingga 20 Januari 2026.

Fasa ini membabitkan 3,125 responden dengan 5,674 maklum balas mengikut inisiatif kerana seorang responden mungkin menerima manfaat lebih daripada satu inisiatif.

Negeri terbabit ialah Perlis, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Tereng-

Selain itu, 74.2 peratus responden menyatakan program ini mewujudkan semangat gotong-royong dalam kampung. Ini menunjukkan KAM berjaya menghidupkan semula fungsi kampung sebagai ruang sosial, bukan sekadar lokasi penempatan.

Dari sudut ekonomi, 60.6 peratus responden bersetuju peluang ekonomi meningkat dengan infrastruktur semakin baik manakala 48.5 peratus menyatakan peluang pekerjaan turut meningkat.

Pembangunan infrastruktur pacu ekonomi

Walaupun angka ini tidak setinggi dimensi sosial, ia tetap signifikan kerana pembangunan infrastruktur lazimnya menjadi prasyarat kepada kegiatan ekonomi setempat.

Kajian mengenal pasti beberapa cabaran utama. Pertama, sebahagian komuniti menyatakan mereka tidak dimaklumkan atau tidak dibabitkan secara menyeluruh pihak atasan, khususnya jawatankuasa kampung, mengenai projek akan dijalankan.

Kedua, wujud isu kawalan kualiti dan penyela-

Timbalan Naib
Canselor (Hal Ehwal
Pelajar dan Alumni)
Universiti Utara
Malaysia (UUM)

menyemarakkan semangat gotong-royong dan membolehkan komuniti setempat menikmati kemudahan lebih baik.

Sehingga 9 Julai lalu sebanyak 242 KAM di seluruh negara siap dilaksanakan. Pencapaian ini mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI mempercepat pelaksanaan projek pembangunan di peringkat akar umbi supaya manfaatnya dapat dirasakan secara langsung komuniti setempat.

Pastikan projek beri kesan kepada rakyat

Pendekatan kerajaan dalam hal ini jelas berbeza kerana ia turut menilai sama ada projek berkenaan benar-benar memberi kesan kepada rakyat.

Bagi memastikan sesuatu projek sampai kepada kumpulan sasaran, menepati keperluan sebenar komuniti dan memberi impak langsung kepada kehidupan harian mereka, satu kajian impak terhadap KAM bersama lapan inisiatif utama lain dilakukan melalui Mesyuarat Pasukan Petugas

ganu serta Wilayah Persekutuan Labuan dan Putrajaya.

Dalam skala kajian digunakan, skor 0.75 hingga 1.00 diklasifikasikan sebagai impak tinggi, 0.50 hingga 0.74 (impak sederhana), 0.25 hingga 0.49 (impak rendah) dan 0.00 hingga 0.24 (tiada impak).

Bagi KAM, skor Indeks Kesejahteraan Ekonomi dicatatkan pada 0.58, manakala Indeks Kesejahteraan Sosial berada pada 0.63. Kedua-dua skor ini menunjukkan impak sederhana tetapi positif.

Ini penting kerana KAM bukan program ekonomi langsung semata-mata seperti bantuan tunai atau pembiayaan perniagaan, sebaliknya intervensi infrastruktur dan komuniti yang kesannya lebih luas dan berperingkat.

Dapatan paling menonjol ialah kesan KAM terhadap hubungan sosial penduduk. Kajian menunjukkan 83.4 peratus responden bersetuju kemudahan awam dinaik taraf meningkatkan interaksi sesama penduduk.

rasan keperluan infrastruktur. Ada projek dilaporkan menggunakan peralatan bermutu rendah. Ada juga projek tidak selari dengan keperluan sebenar penduduk.

Ketiga, projek yang siap memerlukan pemahaman dan penyelenggaraan berkala. Tanpa penyelenggaraan berterusan, kemudahan dibina boleh cepat rosak dan akhirnya menjejaskan keberkesanan projek.

Berdasarkan dapatan kajian, KAM perlu diteruskan tetapi dengan penambahbaikan lebih tersusun. Pertama, tibat urus komuniti perlu diperkukuh sejak peringkat perancangan.

Penduduk, jawatan kuasa kampung dan pihak berkuasa tempatan perlu dibabitkan secara bermakna supaya projek diluluskan benar-benar mencerminkan keperluan sebenar kampung.

Kedua, kawalan kualiti perlu ditingkatkan melalui pemantauan projek lebih efektif, penilaian pematuan piawaian dan penyelarasan dengan keperluan komuniti.

Ketiga, mekanisme maklum balas selepas projek siap perlu diwujudkan secara sistematik supaya kerosakan, kelemahan kontraktor atau ketidakpadanan projek dapat dikesan lebih awal.

Keempat, capaian internet luar bandar perlu dijadikan salah satu penunjuk prestasi utama (KPI) pembangunan kampung.

Kerjasama dengan syarikat telekomunikasi bagi memperluas liputan 4G dan 5G perlu dipercepatkan, khususnya di kampung pedalaman dan perkampungan Orang Asli.

Kelima, KAM boleh diteruskan melalui kerjasama tanggungjawab sosial korporat syarikat swasta bagi menjamin manfaat jangka panjang dan mengurangkan kebergantungan penuh kepada peruntukan kerajaan.

Secara keseluruhannya, KAM adalah inisiatif pembangunan komuniti mempunyai asas dasar kukuh dan impak positif kepada rakyat.

Lebih penting, KAM membuktikan pembangunan MADANI mampu diterjemahkan melalui projek menyentuh kehidupan harian rakyat, disemak melalui data, dinilai melalui maklum balas komuniti dan diperbaiki berdasarkan dapatan kajian.



Orang ramai bergambar bersama anggota tentera pada Program Kampung Angkat MADANI Kementerian Pertahanan di Kampung Tuan Seh, Tanjung Sedili, Kota Tinggi.